

Dari Sebulan Ke Sebulan

Soal Percantuman Dan Masalah Komunis Di Singapura

(Oleh: Abdullah Basmeh)

Dalam ucapan baharu-baharu ini, Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew mengatakan bahawa kerajaan akan membentangkan kepada parlimen akan butir-butir perundingan perlembagaan mengenai percantuman Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu untuk diluaskan dan kemudian akan diserahkan kepada rakyat.

Menurut beritanya, Perdana Menteri Persekutuan, Tengku Abdul Rahman, telah mengundang kerajaan Singapura untuk mengadakan perbincangan awal mengenai hubungan perlembagaan antara Persekutuan dan Singapura.

Sebenarnya percantuman Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu adalah suatu perkara tabi'i—semula jadi, hanya penjahah Inggerislah memecah dan membelahnya. Tetapi sekarang percantuman itu bukan mudah dilakukan sebelum dapat menyelesaikan banyak masalah yang sedang dihadapi. Misalnya soal jumlah penduduk Singapura yang hampir 80 peratus daripadanya terdiri daripada orang-orang Cina dan kebanyakannya masih mempertahankan “kecinaan”. Sikap golongan tersebut memandang seperti kepada bahasa kebangsaan adalah menjadi sebesar-besarnya dalil bahawa mereka tidak mahu menyesuaikan diri sebagai orang-orang Malaya.

Daripada berita-berita yang tersiar, telah terbayang bahawa Singapura – walau sesudah bercantum kelak – tetap

akan mempertahankan dasar pelajarannya yang tersendiri. Kalau berita ini benar, maka perkara ini akan sudah tentu akan merumitkan percantuman. Masakan boleh sebuah negara – Persekutuan Tanah Melayu termasuk Singapura – akan melaksanakan dua dasar pelajaran yang berasingan?

Masakan boleh sebuah negara akan mempunyai dua acuan yang akan mengeluarkan rakyat yang mempunyai dua bentuk yang berlainan?

Barangkali halangan-halangan yang seperti inilah yang menyebabkan Perdana Menteri Singapura membayangkan dalam ucapannya yang berbunyi:

“Janganlah Singapura menyangka bahawa pembicaraan-pembicaraan (tentang hubungan perlembagaan dan percantuman – P) itu akan membawa kepada penyelesaian yang senang. Persediaan-persediaan yang kemas yang melindungi kepentingan halal Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu akan mengambil masa untuk diadakan.”

Beliau menegaskan lagi: “Kiranya berhasil pembicaraan itu, maka ia akan membawa kepada perundingan perlembagaan secara rasmi.”

* * *

Singapura Akan Direbut Komunis?

Semenjak berlaku perpecahan dalam parti “PETIR” banyak perkara yang semakin lama tertutup telah terdedah.

perkara-perkara yang tersebut telah dibongkar dan didedahkan untuk pengetahuan rakyat oleh Perdana Menteri Singapura Tuan Lee Kuan Yew, dalam ucapannya di Parlimen baharu-baharu ini.

Beliau telah menuduh beberapa orang dari pemberontak-pemberontak PETIR yang pro-komunis, telah mengadakan pakatan sulit dengan British untuk menentang Petir dan menentang percantuman Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu.

British, kata Perdana Menteri Singapura, telah berjaya menghasut golongan pro-komunis itu untuk mencuba merebut kekuasaan kerajaan PETIR dan parti PETIR.


Tentang pakatan sulit yang dikatakan telah berlaku di antara golongan pemberontakan PETIR yang pro-komunis dengan British, yang telah berlangsung pada 18 Julai yang lalu di Edn Hall – Rumah Pesuruhjaya British,

Tuan Lee Kuan Yew berkata:

Setelah meyakinkan orang-orang yang pro-komunis itu bahawa satu kerajaan yang bukan komunis tidak lagi perlu dan satu kerajaan yang pro-komunis mungkin ditubuhkan teranglah bahawa orang-orang tersebut akan mencuba merebut PETIR, parti dan kerajaan, dan British mungkin berharap bahawa bila menghadapi serangan dan ancaman terhadap keselamatannya, PETIR akan menentang dan akhirnya menindas orang-orang komunis itu dan inilah yang tidak dapat mereka dorangkan PETIR untuk melakukannya setakat ini.

Komunis menentang “Melayu Raya”

Mengenai rancangan “Melayu Raya”, Perdana Menteri Singapura, Tuan Lee Kuan Yew, telah menyatakan sikap kerajaannya bahawa pada dasarnya PETIR mengalu-alukan rancangan Tengku itu untuk mengadakan satu gabungan negara-negar



Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan

Agong, dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, sedang menerima kehormatan dalam istiadat menyambut Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah berangkat melawat Brunei baharu-baharu ini.

yang lebih besar, kalau sekiranya dengan gabungan itu, percantuman antara Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu, akan dipermudah lagi.

Tetapi kata beliau lagi, pihak komunis sebaliknya mengemukakan bahawa tidak perlu diusahakan kemerdekaan melalui percantuman dan langkah yang harus dijalankan selanjutnya hendak menghapuskan “Majlis Keselamatan Dalam Negeri” supaya kecergasan rakyat dalam segenap lapangan bagi kepentingan cita-cita komunis dapat diperluas lagi.

Lebih lanjut dan menteri Singapura menegaskan enam tokoh *trade union* (Lim Chin Siong, Woodhull dan kawan-kawannya – P.) telah menyatakan kenyataan-kenyataan pada 2 Jun yang lalu, yang terang-terang menyokong garis politik komunis.

Empat puluh dua badan *trade union* juga menyokong garis politik komunis ini dengan tidak berunding atau bermesyuarat dengan ahli-ahli mereka sendiri – kata Perdana Menteri Singapura lagi.

Apa benda yang dikehendaki oleh golongan yang pro-komunis itu?

Soal ini telah dijawab oleh Perdana Menteri Singapura dalam ucapannya yang panjang lebar di Parlimen baharu-baharu ini, ujarnya:

.....enam tokoh *trade union* menuntut supaya orang-orang tahanan segera dibebaskan, gerakan-gerakan union segera disatukan, dan hak-hak kerakyatan diberikan kepada setiap orang yang setia kepada perjuangan anti-penjajah, sama ada mereka komunis atau bukan komunis, supaya kebebasan berucap, bersurat khabar, berkumpul dan bergerak untuk memajukan perjuangan anti-penjajah itu diperluaskan lagi.

Berpaling kepada penjajah British yang dikatakannya sedang menjalankan pakatan sulit untuk melagakan PETIR dengan komunis Singapura, Tuan Lee Kuan Yew berkata:

Sementara itu di Singapura, British telah berhasil menipu anasir-anasir yang pro-komunis untuk mempercayai bahawa PETIR telah menggadaikan mereka dan mengekalkan mereka untuk terang-terang menyerang dan mengkhianati PETIR (dalam pilihan raya) d.a.y.n.s.i.n.

British, kata beliau lagi, merasa senang kerana mereka berfikir bahawa setelah terjadi pertentangan ini, PETIR akan mengambil tindakan keras untuk menjamin keselamatan sendiri



Baharu-baharu ini Perdana Menteri Nigeria Timur dan rombongannya telah melawat Persekutuan Tanah Melayu. Negara kesatuan Nigeria yang dipimpin oleh Perdana Menteri al-Hajj Abubakar Tafawa Balewa ialah sebuah negara di Afrika yang kebanyakannya penduduknya orang-orang Islam. Di antara 33 juta penduduknya kira-kira 25 juta beragama Islam.

Gambar menunjukkan Perdana Menteri Tengku Abdul Rahman sedang menyampaikan sebilah keris kepada Perdana Menteri Nigeria Timur, Dr. Okpara sebagai cenderamata dengan diperhati oleh Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar, Tuan Haji Khalid bin Awang Osman.

Dalam hal ini, beliau menegaskan sikap kerajaannya terhadap orang-orang komunis katanya: “Saya berkata sekarang bagi pihak teman-teman saya dan parti saya bahawa kita tidak akan memasuki kumpulan untuk memukul parti komunis untuk kepentingan penjajahan British. Kalau kami tidak mendapat kemerdekaan melalui percantuman, kami akan menyerahkan kepada British untuk menghadapi masalah menghentam komunis, walaupun dalam sebuah

kerajaan yang dipilih rakyat.

Demikian kedudukan komunis di Singapura.

“Pihak komunis sebaliknya memperhebat serangan mereka untuk merebut parti PETIR dan kerajaan PETIR kami akan menentang mereka.”

Intisari ucapan Perdana Menteri Singapura, yang kita sajikan dalam halaman ini terutama mengenai golongan komunis dan sikap kerajaan Singapura menghadapinya sudah tentu menimbulkan satu pertanyaan:

“Kami menasihatkan mereka supaya jangan mencubanya dan jangan mendorongkan kami untuk bertempur dengan mereka secara tidak perlu.”

Dalam bahagian lain dalam ucapannya itu, Perdana Menteri Singapura telah menyeru kaum komunis dengan berkata:

“Kami menyeru kepada orang-orang komunis itu supaya berhenti dan berfikir tentang tindakan-tindakan yang hendak mereka lakukan. Kami pihak PETIR tidak pernah mengkhianati mereka!”

Apa Sebab Komunis Menentang “Melayu Raya”?

Mengapa golongan komunis bermati-mati menentang “Melayu Raya” telah juga dibongkar oleh Perdana Menteri Singapura dalam ucapannya itu. Beliau berkata:

Golongan komunis memutuskan bahawa rancangan (Melayu Raya) itu merupakan satu komplotan British yang bersubahat dengan kaum “Feudal di Persekutuan” dan dibantu oleh “kaum borjuis yang goncang” di Singapura. Mereka (golongan komunis) telah membuat keputusan untuk meleburkan sokongan terhadap rancangan “Melayu Raya”

Golongan komunis takut bahawa rancangan itu adalah satu peringkat untuk menindas mereka selamanya. Kata beliau lagi.

Demikian kedudukan komunis di Singapura. Intisari ucapan Perdana Menteri Singapura, yang kita sajikan dalam halaman ini terutama mengenai golongan komunis dan sikap kerajaan Singapura menghadapinya sudah tentu menimbulkan satu pertanyaan: Dapatkah Singapura bercantum dengan Persekutuan Tanah Melayu sebelum dibersihkan dari “penyakit communism” yang berbahaya itu? Jawapannya akan kita dengar sesudah rundingan percantuman itu diadakan kelak.

* * *

Persekutuan Mempunyai Pahlawan Yang Gugur

Dalam Perjuangan Menentang Komunis

Pada penghujung bulan Julai yang lalu, negara Persekutuan Tanah Melayu telah memperingati hari ulang tahun pertama pengisytiharan rasmi tamat darurat. Dalam ucapannya kepada seluruh rakyat, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tengku Abdul Rahman telah menyeru supaya saudara-saudara kita yang beribu-ribu jumlahnya yang telah terkorban dalam perjuangan menentang keganasan komunis itu dikenang dan dihargai jasa mereka yang cemerlang.

“Pengorbanan mereka tersemat di hati kita dan memberikan ilham kepada turun temurun kita selamanya!”

“Mereka mengorbankan jiwa dengan tujuan supaya kita dapat hidup lagi untuk membina sebuah Tanah Melayu yang baharu!” kata Tengku lagi.